

ZENTEL TABLET 200MG

Albendazole 200mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zentel Tablet
2. Bagaimana Zentel Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zentel Tablet
4. Cara menggunakan Zentel Tablet
5. Semasa menggunakan Zentel Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zentel Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Zentel Tablet

Zentel Tablet adalah untuk rawatan jangkitan cacing gelang (*ascariasis*), jangkitan cacing cambuk (*trichuriasis*), jangkitan cacing kerawit (*ancylostomiasis and necatoriasis*), jangkitan cacing benang (*enterobiasis*), jangkitan cacing halus (*strongyloidiasis*) dan jangkitan cacing pita (*hymenolepsiasis and taeniasis*).

Bagaimana Zentel Tablet berfungsi

Zentel Tablet adalah sejenis benzimidazole carbamate dengan tindakan anti-protozoa dan anthelmintic bagi menentang parasit usus dan tisu. Albendazole mempamerkan aktiviti larvisidal, ovisidal dan vermisidal, serta diandaikan mengerah kesan anthelmintic dengan cara menghalang polimerisasi tubulin. Ini menyebabkan gangguan metabolisme helminth (cacing) termasuk penyusutan tenaga lalu melumpuh seterusnya membunuh cacing.

Sebelum menggunakan Zentel Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap Albendazole atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli

farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakannya

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Zentel Tablet jika anda:

- anda anda mempunyai masalah kerosakan.
- adalah Wanita yang boleh hamil perlu memulakan rawatan semasa 10 hari pertama datang haid, atau sebaik Sahaja disahkan negatif ujian kehamilan bagi mengelakkan mengambil ubat ini di awal kehamilan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubat-ubatan dan produk ini boleh mengganggu satu sama lain.

Cara menggunakan Zentel Tablet

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Jangkamasa rawatan maksimum adalah berbeza mengikut indikasi.

Jangkitan cacing gelang, jangkitan cacing cambuk, jangkitan cacing kerawit, jangkitan cacing benang

Dewasa dan kanak-kanak melebihi umur 2 tahun: 2 biji tablet (400mg) satu dos tunggal.

Kanak-kanak berumur 1 ke 2 tahun:

Setengah dos orang dewasa.

Jangkitan cacing halus dan jangkitan cacing pita

Dewasa dan kanak-kanak melebihi umur 2 tahun: 2 biji tablet (400mg) satu dos tunggal untuk 3 hari berturut-turut.

Zentel Tablet boleh dikunyah dan juga boleh dihancurkan dan dicampur dengan makanan.

Jangan melebihi dos maksimum harian dan jangkamasa rawatan yang disyorkan.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Jika anda mengalami sakit kepala, loya dan muntah, sawan dan/atau masalah dengan penglihatan selepas mengambil ubat ini, sila rujuk nasihat doktor serta-merta. Ubat ini boleh menyebabkan masalah hati. Sila rujuk nasihat doktor jika anda mengalami kekuningan pada kulit atau mata.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Zentel Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doctor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Zentel Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Tidak boleh diguna untuk kanak-kanak berumur kurang dari umur setahun. Jangan melebihi dos maksimum harian dan jangka masa rawatan yang disyorkan.
Tidak boleh digunakan semasa hamil. Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
Jangan berikan Zentel Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.
- Perkara yang perlu diberi perhatian
Ubat ini boleh menyebabkan masalah hati. Sila rujuk nasihat doktor jika anda mengalami kekuningan pada kulit atau mata.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Zentel Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Konvensi di bawah digunakan untuk klasifikasi kekerapan kesan sampingan:

Sangat kerap $\geq 1/10$

Kerap $\geq 1/100$ ke $< 1/10$

Tidak kerap $\geq 1/1000$ ke $< 1/100$

Jarang $\geq 1/10,000$ ke $< 1/1000$

Sangat jarang $< 1/10,000$

Gangguan sistem imun

Jarang: Tindakan hipersensitif termasuk ruam, pruritis dan urticaria.

Gangguan sistem saraf

Tidak kerap: Sakit kepala dan pening.

Gangguan gastro-usus

Tidak kerap: Tanda-tanda gastrousus atas (e.g. – sakit epigastrik atau bdominal, loya, muntah) dan cirit-birit.

Gangguan hepato-biliari

Jarang: Peningkatan enzim hepatic

Masalah kulit dan tisu bawah kulit

Sangat jarang: Erythema multiforme, sindrom Stevens-Johnson.

Sila rujuk nasihat doktor jika terdapat tanda-tanda ini.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web nprra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Zentel Tablet

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan pada suhu di bawah 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bersalut filem berwarna putih atau putih kekuningan, dengan teras berwarna putih atau putih kekuningan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- Albendazole

- Bahan tidak aktif

- Lactose
- Maize starch
- Povidone K30
- Sodium lauryl sulphate
- Sodium starch glycolate
- Microcrystalline cellulose
- Saccharin sodium
- Magnesium Stearate
- Hypromellose
- Propylene Glycol
- Carnauba Wax
- Purified water

- Nombor MAL

MAL*****

Pengilang

Tianjin TSKF Pharmaceutical Co., Ltd.
Crossing of Chen Lin Zhuang and
Cheng Zhou Roads, Dong Li District,
300163 Tianjin, China.

Pemegang Pendaftaran Produk

Haleon Malaysia Sdn. Bhd.
Lot 89, Jalan Enggang, Ampang/Hulu
Kelang Industrial Estate, 68000
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

14/04/2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 26/060